

# Tumor otak tak semestinya kanser

- Lebih ramai lelaki yang menghidap penyakit tersebut.
- Terdapat enam keadaan yang memerlukan seseorang wajib membuat pemeriksaan lanjut.



Oleh SITI FARAH ELIANI SOLLEH

## Velocity, Dr Hafizah Zaharah Ahmad.

Jelas Dr Hafizah, ketumbuhan otak atau tumor otak berlaku apabila sel-sel yang tidak normal tumbuh di luar kawalan di dalam struktur otak.

"Ia boleh bermula daripada sel otak itu sendiri (dikenali sebagai ketumbuhan otak primer) atau sel kanser daripada bahagian tubuh lain, contohnya kanser payudara atau kanser paru-paru yang merebak ke bahagian otak (ketumbuhan sekunder)," ujarnya.

Kongsi pakar berkenaan, jenis ketumbuhan otak primer dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

i) **Benigna:** Proses pertumbuhan yang perlahan dan tidak merebak ke anggota badan lain.

ii) **Malignan:** Proses pertumbuhan pantas dan boleh menyerang tisu berhampiran.

"Sebenarnya, kemungkinan ketumbuhan jenis benigna berulang selepas pembedahan pembuangannya amat rendah. Namun, ketumbuhan malignan pula mempunyai risiko untuk berulang kembali setelah menjalani pembedahan," beritahu beliau.

Ujar Dr Hafizah, gejala yang dialami oleh pesakit yang mengalami ketumbuhan otak lazimnya berlaku akibat tekanan di dalam otak yang meningkat kerana sel otak yang rosak.

"Kadangkala boleh juga berlaku disebabkan oleh sel otak yang mati yang berpunca daripada ketumbuhan otak tersebut," jelasnya sambil memberitahu

antara gejala yang kerap dialami pesakit kepada penyakit menakutkan itu adalah sakit kepala dan sawan.

Selain itu, terdapat beberapa simptom lain yang boleh dikaitkan. Antaranya seseorang akan loya, muntah, cepat letih, perubahan pada personaliti atau ingatan, lemah, kebas separuh badan, gangguan penglihatan atau pendengaran.

Selain itu, pesakit juga boleh mengalami gangguan keseimbangan semasa berdiri mahupun untuk berjalan dan ketidakupayaan melakukan aktiviti harian seperti biasa.

Pun demikian, jenis sakit kepala mempunyai beberapa keadaan yang perlu diberi perhatian, kata Dr Hafizah. Situasi itu merangkumi:

- Sakit kepala yang berlaku pada setiap pagi dan beransur-ansur kurang.
- Sakit kepala yang baru dialami oleh pesakit pada pertengahan usia atau pada usia yang sudah lanjut.
- Perubahan pada corak atau keterukan sakit kepala kronik (contohnya, sakit kepala yang semakin kerap atau kronik).
- Sakit kepala yang semakin teruk apabila batuk, bersin atau berlaku pergerakan kepala.
- Sakit kepala yang diiringi dengan gejala lain seperti kebas atau lemah separuh badan.
- Sakit kepala secara tiba-tiba diikuti dengan muntah.

Memperincikan lebih lanjut mengenai masalah kesihatan itu, kata Dr Hafizah, terdapat beberapa faktor yang boleh meningkatkan lagi risiko seseorang mendapat ketumbuhan otak.

Alasan paling ketara adalah pendedahan kepada radiasi dan sistem ketahanan badan seseorang yang rendah. "Namun, pada kebanyakan waktu, punca ketumbuhan otak adalah tidak diketahui," katanya.

Berikut adalah spesifikasi lain yang mungkin mempengaruhi kondisi penyakit berkenaan:



Gejala yang dialami oleh pesakit yang mengalami

ketumbuhan otak lazimnya berlaku akibat tekanan di dalam otak yang meningkat kerana sel otak yang rosak."

- Dr Hafizah Zaharah



Modaliti rawatan ini boleh digunakan secara kombinasi atau

secara sendiri. Ini bergantung kepada jenis tumor itu sama ada primer atau sekunder dan benigna atau malignan."

- Dr Marfu'ah

1. **Usia:** Kerap berlaku dalam kalangan kanak-kanak atau orang dewasa yang tua, tetapi hakikatnya ketumbuhan otak boleh juga berlaku kepada sesiapa tanpa mengira usia.
2. **Jantina:** Secara umumnya, lebih ramai golongan lelaki menghidapnya. Namun, untuk jenis ketumbuhan otak yang spesifik seperti *meningioma*, golongan wanita lebih kerap mengalaminya.
3. **Pekerjaan:** Terdedah kepada bahan kimia atau racun serangga.
4. **Diet:** Sebatian N-nitroso boleh dijumpai

**KERAP** sakit kepala dan berlarutan antara simptom utama kepada masalah ketumbuhan otak.



- kimia atau racun serangga.
4. **Diet:** Sebatian N-nitroso boleh dijumpai di dalam daging yang telah diproses. Pengambilan kerap daging yang diproses, ditambah kurangnya pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran boleh meningkatkan faktor risiko ketumbuhan otak *glioma*.
  5. **Genetik:** Antara 1 hingga 5 peratus ketumbuhan otak adalah berkaitan dengan sindrom genetik seperti *neurofibromatosis type 1*, *neurofibromatosis type 2*, *von Hippel-Lindau syndrome*, *Li-Fraumeni syndrome*, *familial adenomatous polyposis* dan *basal cell nevus syndrome*.

#### **Kesan serius**

Sementara itu, **Pakar Onkologi, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Marfu'ah Nik Eezamuddeen** turut menjawab beberapa persoalan yang berkaitan.

Jelas beliau, sakit kepala yang disebabkan tumor akan menjadi-jadi apabila ia semakin membesar.

"Ini berlaku kerana terdapat peningkatan tekanan dalam otak. Oleh yang demikian, saya sarankan, jika sakit

# Mohd Arif kerap alami sakit kepala, loya dan muntah-muntah

**BULAN** Mac lalu, genap setahun, Mohd Arif Zakri, 34, disahkan menghidap penyakit tumor otak.

Cerita adiknya, Haziyah Zakri, 26, gejala sakit kepala, loya dan kerap muntah yang sentiasa diabaikan oleh abang sulungnya sebelum itu telah membawa natijah buruk.

Kemuncaknya, kata Haziyah, Mohd Arif pitam dan hasil pemeriksaan doktor telah membongkar segala-galanya.

"Rupa-rupanya abang saya disahkan mengalami ketumbuhan otak. Namun, saiznya (ketumbuhan) kecil dan masih boleh dirawat. Ia belum sampai ke tahap kanser lagi," beritahunya.

Kepada *SinarPlus*, Haziyah memberitahu, abangnya sudah menjalani

pembedahan seperti yang disyorkan pakar pada dua bulan yang lalu.

Pun demikian, sehingga kini kata gadis itu, keadaan Mohd Arif yang juga bekas jurutera di sebuah syarikat di Terengganu masih lemah dan hanya terlantar di atas katil di rumah sahaja.


"Beliau juga memerlukan penjagaan dan pemantauan rapi. Segala urusan abang di rumah akan dibantu oleh saya atau adik. Kata doktor, abang masih memerlukan rawatan susulan, selain dibekalkan beberapa jenis ubat-ubatan.

"Sebenarnya, pembedahan yang dilakukan itu adalah sebagai satu ikhtiar. Namun, dengan apa yang berlaku kini, kami sekeluarga serahkan segala

ketentuan kepada ALLAH SWT," katanya.

Kepada satu soalan, Haziyah berkata, ahli keluarga terdekatnya tidak mempunyai sejarah penyakit berkenaan.

"Kalau ketumbuhan otak memang tiada, tetapi ibu saya salah seorang pesakit kanser serviks yang juga pernah melakukan pembedahan untuk sembuh," katanya.



SEIRING dengan perkembangan teknologi semasa, rawatan radiosurgeri yang dikenali sebagai pisau gamma diperkenalkan untuk merawat tumor otak. Dengan kaedah ini, pesakit tidak perlu lagi risau dengan komplikasi pembedahan terbuka.



## JENIS-JENIS ketumbuhan otak:

### 1. Glioma

- Merupakan separuh daripada keseluruhan ketumbuhan primer.
- Terdapat tiga jenis utama iaitu *astrosaitoma*, *ependaimoma* dan *oligodendrogloma*.

### 2. Acoustic neuroma

- Ketumbuhan saraf yang membesar dengan perlahan yang melibatkan telinga hingga ke otak.
- Ketumbuhan *benign* dan tidak merebak.
- Lebih kerap menimpa golongan yang berumur.

### 8. Meningioma

- Berlaku sekitar 25 peratus daripada keseluruhan ketumbuhan otak.
- Lebih kerap berlaku dalam kalangan mereka yang telah berusia dan wanita.
- Melibatkan bahagian otak hadapan dan belakang.

kepala pesakit bertambah teruk dan berlanjutan, perlu segera berjumpa doktor untuk pemeriksaan lanjut," beritahunya.

Kepada *SinarPlus*, pakar berkenaan memaklumkan, kekerapan tumor otak primer adalah rendah dalam kalangan dewasa.

"Tumor ini lebih kerap dilihat pada peringkat umur kosong hingga 14 tahun. Ia dibuktikan dengan jelas dalam Laporan Pendaftaran Barah Nasional Malaysia 2012 hingga 2016," ujarnya.

Pada peringkat antarabangsa pula, kejadian tumor otak primer juga memaparkan graf yang rendah.

Mengambil kira kes di Amerika Syarikat, masalah kesihatan itu dinisbahkan sebanyak 46 daripada 100,000 penduduk setiap tahun. Namun, hanya 15 bagi 100,000 orang sahaja daripada mereka mengalami ketumbuhan otak primer.

Sementara di United Kingdom pula, statistik tahunan untuk kes ketumbuhan otak adalah pada kadar tujuh bagi 100,000 penduduk. Sementara, nisbah kebarangkalian untuk mendapat ketumbuhan otak dalam golongan lelaki adalah lebih berbanding wanita.

### Kepelbagaian rawatan

Mengulas lanjut, kata Dr Marfu'ah, ketumbuhan otak sekiranya tidak dirawat segera boleh membawa kepada komplikasi yang serius.

"Semakin besar tumor, semakin tinggi tekanan di dalam otak. Kesannya, pesakit boleh mendapat lebih banyak gejala serius termasuklah sawan dan koma," jelasnya.

Mengupas lebih mendalam mengenai rawatan kepada penyakit berbahaya itu pula, pakar itu berkata, terdapat banyak

cabangnya.

"Antara modaliti rawatan tumor otak adalah melalui pembedahan (termasuk radiosurgeri), radioterapi dan kimoterapi.

"Modaliti rawatan ini boleh digunakan secara kombinasi atau secara sendiri. Ini bergantung kepada jenis tumor itu sama ada primer atau sekunder dan benigna atau malignan," tambah beliau.

Dalam kebanyakan kes, kongsi Dr Marfu'ah, tumor otak primer perlu menjalani pembedahan sebagai rawatan utama sekiranya ketumbuhan itu dapat dikeluarkan sepenuhnya tanpa mengakibatkan kemudaratan pada kawasan otak yang berhampiran.

"Sekiranya tumor tidak dapat dikeluarkan sepenuhnya, rawatan radioterapi diberikan untuk meningkatkan keberkesanan pembedahan dan mengurangkan risiko tumor berulang.

"Terkini, rawatan radiosurgeri yang dikenali dengan pisau gamma juga telah diperkenalkan. Jadi, pesakit tidak perlu khuatir mengenai komplikasi pembedahan terbuka," jelasnya.

Bagi tumor otak sekunder pula, matlamat rawatan adalah untuk memberi keselesaan kepada pesakit dengan mengurangkan gejala dan memberi kehidupan yang berkualiti.

"Ia akan dirawat dengan steroid, radioterapi atau adakalanya radiosurgeri atau pembedahan. Oleh itu, bagi memastikan kesihatan sentiasa terjamin dan mencegah sel kanser menjadi aktif, amalkan pengambilan diet seimbang serta gaya hidup sihat.

"Jangan lupa bersenam, kurangkan atau urus tekanan dengan bijak selain tidak merokok," pesannya.

### 3. Astrogloma

- Jenis *glioma* yang paling kerap terjadi daripada tisu yang dipanggil *astrocytes* (sel yang memberi sokongan kepada sel saraf otak).
- Ketumbuhan otak malignan yang paling kerap berlaku dalam kalangan orang dewasa.
- Berkemungkinan boleh merebak ke bahagian otak yang lain.

### 4. Craniopharingioma

- Ketumbuhan yang melibatkan pangkal otak iaitu sedikit ke atas dari kelenjar *pituitary*.
- Paling kerap terjadi dalam kalangan kanak-kanak, remaja dan golongan belia.
- Sejenis ketumbuhan *benign* dan tidak merebak.

### 5. Ependimoma

- 5 peratus daripada keseluruhan ketumbuhan otak.
- Berasal dari sel *ependyma* yang melapisi bahagian otak dan saraf tunjang yang dipenuhi cecair *serebrospinal*.

### 6. Hemangioblastoma

- 2 peratus daripada keseluruhan ketumbuhan otak.
- Ketumbuhan berasal dari sel saluran darah

### 7. Limfoma (limfoma otak primer)

- Merupakan kanser sistem limfatik
- Kebiasannya terjadi dalam kalangan mereka yang mempunyai sistem imun yang rendah.

### 9. Oligodendrogloma.

- 5 peratus daripada keseluruhan ketumbuhan otak.
- Berasal dari sel *oligodendrocytes* (sel yang melapisi saraf *myelin*) dan kerap melibatkan bahagian otak hadapan.

### 10. Ketumbuhan kelenjar pineal.

- Jarang berlaku (lingkungan 1 peratus daripada keseluruhan ketumbuhan otak).
- Merupakan kelenjar yang menghasilkan hormon melatonin.

### 11. Ketumbuhan kelenjar pituitari.

- Sekitar 1 peratus daripada keseluruhan ketumbuhan otak.
- Kerap berlaku pada golongan berusia. Pertumbuhannya perlahan dan tidak merebak.
- Mengakibatkan pengeluaran hormon berlebihan.

### 12. Ketumbuhan primitif neuroectodermal.

- Berasal daripada sel primitif yang gagal terbentuk semasa proses perkembangan awal tubuh.
- Kebiasannya tidak merbahaya akan tetapi boleh bertukar menjadi kanser.
- Jenis yang paling kerap adalah *medulloblastoma*.

### 13. Ketumbuhan saraf tunjang.

- 20 peratus daripada ketumbuhan sistem saraf pusat.
- Jenis yang kerap adalah *meningioma* dan *neurofibroma*.